



KEMENTERIAN KEWANGAN NEGERI SABAH
Blok C, Pusat Pentadbiran Negeri Sabah
Jalan UMS, Teluk Likas
88400 KOTA KINABALU
Sabah, Malaysia
Tel.: 088-368000 Faks: 088-213584
Website: www.mof.sabah.gov.my

Tel. : 088-368000
Bil. : KEW.100-4/4 Jld. 8 (94)
Tarikh : 12 Ogos 2020

Semua Setiausaha Tetap Kementerian
Semua Ketua Jabatan Negeri
Semua Pihak Badan Berkanun Negeri
Semua Pihak Berkuasa Tempatan Negeri
Semua Pegawai Daerah
Semua Penolong Pegawai Daerah Kecil

Y.Bhg. Datuk/Datin/Tuan/Puan,

PEKELILING KEMENTERIAN KEWANGAN BIL.2/2020
PELAKSANAAN PERAKAUNAN AKRUAN KERAJAAN NEGERI SABAH

1. TUJUAN

- 1.1 Pekeliling ini bertujuan untuk memaklumkan dan menjelaskan tanggungjawab pegawai pengawal tentang pelaksanaan perakaunan akruan Pengurusan Kewangan dan Perakaunan Kerajaan Negeri Sabah.
- 1.2 Surat Kementerian Kewangan Bil. KEW.100-4/4 Jld.8/(32) bertarikh 17 Disember 2019 adalah berkaitan.

2. LATAR BELAKANG

- 2.1 Pelaksanaan Perakaunan Akruan Kerajaan Negeri akan dilaksanakan pada tahun 2022 seperti yang telah diumumkan dalam ucapan bajet negeri pada 15 November 2019 oleh YAB Ketua Menteri.
- 2.2 Kerajaan Negeri Sabah ketika ini mengamalkan asas perakaunan tunai ubahsuai iaitu satu kaedah perakaunan yang mengiktiraf dan merekod sesuatu urus niaga apabila tunai diterima atau dibayar dalam tempoh perakaunan dipermodalkan.
- 2.3 Pelaksanaan perakaunan akruan sejajar dengan Dasar Transformasi Sektor Awam dalam Model Dasar Baru Ekonomi bertujuan memantapkan pengurusan fiskal berhemat serta mempertingkatkan kecekapan pengurusan kewangan dan perakaunan Kerajaan Negeri Sabah.

..2/



- 2.4 Perakaunan akruan mengiktiraf dan merekodkan urus niaga pada masa urusniaga berlaku. Di samping itu, semua aset dan liabiliti juga diperakaunkan di bawah perakaunan akruan. Semua urusniaga tersebut dilaporkan di penyata kewangan bagi tempoh tahun kewangan yang sama. Untuk tujuan ini, Jabatan Akauntan Negara (JANM) telah mengeluarkan Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia (MPSAS) yang berasaskan *International Public Sector Accounting Standard* (IPSAS).
- 2.5 Perbezaan di antara perakaunan tunai ubahsuai dengan perakaunan akruan adalah seperti di bawah:

	Asas Tunai Ubahsuai	Asas Akruan
Hasil	Diiktiraf / direkodkan hanya apabila tunai diterima.	Diiktiraf / direkod dalam tempoh diperolehi (<i>earned</i>).
Perbelanjaan	Diiktiraf / direkod hanya apabila bayaran tunai dilakukan.	Diiktiraf/ direkod dalam tempoh dibelanja/ digunakan (<i>incurred</i>).
Aset	Tidak dipermodalkan dan diiktiraf / direkod sebagai perbelanjaan pada masa pembayaran.	Diiktiraf / direkod sebagai aset dan dipermodalkan dalam tempoh usia gunanya. Susutnilai dikenakan sepanjang tempoh usia gunanya.
Liabiliti	Tidak dilaporkan dan diiktiraf / direkod sebagai perbelanjaan pada masa pembayaran.	Diiktiraf/ direkod dalam tempoh ianya ditanggung (<i>incurred</i>) sehingga dilunaskan.

3. FAEDAH PELAKSANAAN PERAKAUNAN AKRUAN

- 3.1 Faedah pelaksanaan perakaunan akruan adalah seperti berikut:
- 3.1.1 Memberi gambaran kedudukan kewangan Kerajaan yang lebih menyeluruh dan tepat;
 - 3.1.2 Meningkatkan ketelusan dan akauntabiliti Kerajaan dalam pengurusan kewangan dan akaun;
 - 3.1.3 Menambahbaik pengurusan kewangan dan perakaunan Kerajaan melalui tadbir urus yang baik (*good governance*) serta menjurus kepada *value for money*;

- 3.1.4 Meningkatkan kecekapan dan keberkesanan Kerajaan dengan penjana laporan prestasi dan penyata kewangan secara lebih lengkap dan menyeluruh;
- 3.1.5 Pengukuran kesan polisi secara lebih efektif melalui pelaksanaan perakaunan pengurusan; dan
- 3.1.6 Memberi petunjuk yang lebih baik dalam pengurusan kewangan secara berhemat.

4. STRUKTUR DAN PELAKSANAAN PERAKAUNAN AKRUAN

- 4.1 Bagi memastikan pelaksanaan yang berkesan dan mampan di peringkat Kerajaan Negeri, Jawatankuasa Pemandu Pelaksanaan Perakaunan Akruan Kerajaan Negeri hendaklah ditubuhkan. Keahlian dan terma rujukan jawatankuasa tersebut adalah seperti berikut:

4.1.1 Keahlian Jawatankuasa Pemandu Pelaksanaan Perakaunan Akruan

Pengerusi	:	Setiausaha Tetap Kementerian Kewangan
Ahli	:	Semua Setiausaha Tetap Kementerian
	:	Semua Ketua Jabatan
	:	Semua Pegawai Daerah
	:	Semua Ketua Akaun Kementerian / Jabatan / Pejabat Daerah
Urusetia	:	Bahagian Perancangan dan Pembangunan, Jabatan Bendahari Negeri Sabah

Terma Rujukan:

- 1) Memantau dan memastikan pelaksanaan perakaunan akruan di peringkat Kerajaan Negeri Sabah; dan
- 2) Melapor status kemajuan pelaksanaan perakaunan akruan Kerajaan Negeri setiap suku tahun kepada Jawatankuasa Pengurusan Kewangan dan Akaun peringkat Negeri.

- 4.2 Bagi memastikan pelaksanaan yang berkesan dan mampan di peringkat Kementerian, Jawatankuasa Pelaksanaan Perakaunan Akruan Kementerian hendaklah ditubuhkan. Keahlian dan terma rujukan jawatankuasa tersebut adalah seperti berikut:

4.2.1 Keahlian Jawatankuasa Pelaksanaan Perakaunan Akruan Kementerian

Pengerusi	:	Setiausaha Tetap Kementerian
Ahli	:	Timbalan Setiausaha Tetap – Pengerusi Gantian
	:	Ketua Akauntan
	:	Pegawai Tadbir (Pengurusan Sumber Manusia)
	:	Pegawai Teknologi Maklumat
Urusetia	:	Bahagian Akaun, Kementerian

Terma Rujukan:

- 1) Memantau dan memastikan pelaksanaan perakaunan akruan di peringkat kementerian;
 - 2) Melapor status kemajuan pelaksanaan perakaunan akruan setiap suku tahun kepada Jawatankuasa Pemandu Pelaksanaan Perakaunan Akruan; dan
 - 3) Memastikan peruntukan kewangan, sumber manusia dan keperluan infrastruktur ICT mencukupi untuk pelaksanaan perakaunan akruan.
- 4.3 Bagi memastikan pelaksanaan yang berkesan dan mampan, Jawatankuasa Kerja Polisi Perakaunan Akruan Kerajaan Sabah hendaklah ditubuhkan. Keahlian dan terma rujukan jawatankuasa tersebut adalah seperti berikut:

4.3.1 Keahlian Jawatankuasa Kerja Polisi Perakaunan Akruan Kerajaan Sabah

Pengerusi	:	Bendahari Negeri
Ahli	:	Timbalan Bendahari Negeri (O)
	:	Timbalan Bendahari Negeri (P)
	:	Timbalan Bendahari Negeri (T)
	:	Ketua-Ketua Penolong Bendahari Negeri
	:	Ketua-Ketua Akauntan JMS
	:	Penolong-Penolong Bendahari Negeri
	:	Akauntan-Akauntan Kanan
	:	Akauntan-Akauntan Ibu Pejabat / Luar Ibu Pejabat
	:	Ketua-Ketua Akaun Kementerian / Jabatan/ Pejabat Daerah

Urusetia : Bahagian Perancangan dan
Pembangunan, Jabatan Bendahari Negeri
Sabah

Terma Rujukan:

- 1) Memastikan polisi dan piawaian yang digunapakai selaras dengan Arahan Perbendaharaan (AP) dan Akta Acara Kewangan; dan
- 2) Melaporkan status keputusan gunapakai polisi dan piawaian setiap bulan kepada Jawatankuasa Kerja Pelaksana Perakaunan Akruan.

4.4 Bagi memastikan pelaksanaan yang berkesan dan mampan, Jawatankuasa Kerja Pembangunan Sistem hendaklah ditubuhkan dengan keahlian dan terma rujukan jawatankuasa tersebut adalah seperti berikut:

4.4.1 Keahlian Jawatankuasa Kerja Pembangunan Sistem

Pengerusi : Bendahari Negeri

Ahli : Pengarah, Jabatan Perkhidmatan
Komputer Negeri
: Timbalan Bendahari Negeri (O)
: Timbalan Bendahari Negeri (P)
: Timbalan Bendahari Negeri (T)
: Ketua-Ketua Penolong Bendahari
Negeri
: Ketua-Ketua Akauntan JMS
: Penolong-Penolong Bendahari Negeri
: Akauntan-Akauntan Kanan
: Akauntan-Akauntan Ibu Pejabat / Luar
Ibu Pejabat
: Ketua-Ketua Akaun Kementerian /
Jabatan/ Pejabat Daerah

Urusetia : Bahagian Perancangan dan
Pembangunan, Jabatan Bendahari Negeri
Sabah

Terma Rujukan:

- 1) Memastikan pembangunan sistem berkaitan perakaunan akruan dibuat pada tempoh masa yang ditetapkan; dan
- 2) Melaporkan status keputusan pembangunan sistem setiap bulan kepada Jawatankuasa Kerja Pelaksana Perakaunan Akruan.

5. TANGGUNGJAWAB PEGAWAI PENGAWAL

- 5.1 Pegawai Pengawal adalah bertanggungjawab untuk memastikan langkah-langkah berikut diambil dengan sewajarnya bagi melaksanakan perakaunan akruan:
- 5.1.1 Menjadikan pelaksanaan perakaunan akruan sebagai *Key Performance Indicator* (KPI) Kementerian;
 - 5.1.2 Mewujudkan atau memantapkan fungsi Bahagian Akaun yang bertindak sebagai Pejabat Perakaunan Kementerian yang meliputi fungsi – fungsi perakaunan pengurusan, perundingan, perakaunan kewangan, pemantauan serta pentadbiran dan kewangan;
 - 5.1.3 Memantapkan struktur Pusat Tanggungjawab (PTJ) dengan pegawai perkhidmatan perakaunan selaras dengan pelaksanaan perakaunan akruan;
 - 5.1.4 Menubuhkan Jawatankuasa Pelaksanaan Perakaunan Akruan Kementerian dan memastikan mesyuarat berkala diadakan;
 - 5.1.5 Melaporkan status pelaksanaan perakaunan akruan setiap suku tahun kepada Jawatankuasa Pemandu Perakaunan Akruan Kerajaan Negeri mengikut format yang akan ditetapkan oleh Jabatan Bendahari Negeri Sabah;
 - 5.1.6 Memastikan daftar set, Akaun Belum Terima, Akaun Belum Bayar, deposit, wang pendahuluan kepada kontraktor dan lain-lain rekod aset dan liabiliti di Kementerian / Jabatan / PTJ masing-masing dikemaskini selaras dengan pekeliling dan peraturan yang berkuatkuasa. Pengemaskinian ini bertujuan mendapatkan baki awal bagi pelaksanaan perakaunan akruan pada tahun 2015;
 - 5.1.7 Memastikan pembangunan modal insan yang berterusan kepada pegawai yang terlibat dengan pengurusan kewangan dan perakaunan; dan
 - 5.1.8 Memastikan penyata kewangan Kementerian adalah tepat dan disediakan dalam tempoh masa yang ditetapkan.

6. GARIS PANDUAN PERAKAUNAN AKRUAN

- 6.1 Garis panduan pelaksanaan perakaunan akruan akan dikeluarkan dari semasa ke semasa.

7. PENUTUP

- 7.1 Sekiranya terdapat sebarang kemusykilan dalam pelaksanaan pekeliling ini, sila berhubung terus dengan Bahagian Pasukan Pelaksana Perakaunan Akruan, Jabatan Bendahari Negeri Sabah untuk mendapatkan penjelasan lanjut.

Sekian, terima kasih.

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA DENGAN BERSIH, CEKAP DAN AMANAH”
“JIMAT DAN PRODUKTIF**



(DATUK HAJI KAIM KALIMIN)
Setiausaha Tetap

- s.k: (1) Yang Berhormat Setiausaha Kerajaan Negeri
Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri,
Jabatan Ketua Menteri,
Tingkat 28, Blok A,
Pusat Pentadbiran Negeri Sabah,
Jalan Sulaman, Teluk Likas,
88400 KOTA KINABALU
- (2) Bendahari Negeri
Jabatan Bendahari Negeri,
Tingkat 10, Blok A,
Pusat Pentadbiran Negeri Sabah,
Jalan Sulaman, Teluk Likas,
88400 KOTA KINABALU
- (3) Pengarah
Jabatan Audit Negara,
88400 KOTA KINABALU